

KUMPULAN REMAJA PANJAT ARCA GERGASI 'IPOH'

# Hanya mahu cetus fenomena

➔ Naluri ingin perhatian dorong lakukan perbuatan luar jangka

Oleh Nurul 'Aniqah Sazole  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**A**ksi berani mati yang dipertontonkan kepada khalayak tidak mencerminkan masalah psikologi sebaliknya dikaitkan dengan naluri sukakan perhatian dan menjadi tumpuan umum.

Mengulas tindakan segelintir anak muda yang disebarkan di media sosial kerana memanjat struktur tinggi dan berbahaya sambil selfie, pakar berkata, naluri ingin perhatian itu mendorong mereka melakukan perbuatan luar jangka.

Pakar sosial, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata mereka yang berbuat demikian sekadar mahu mencetuskan fenomena terutama di media sosial, tanpa memikirkan kesan dan akibat kepada diri sendiri serta orang ramai.

Pakar sosial, Prof Datuk Dr Mo-

hammad Shatar Sabran, berkata keghairahan mendapatkan perhatian orang ramai mempengaruhi sikap seseorang sehingga sanggup melakukan aksi berbahaya.

Bagaimanapun, katanya, ikutan aksi berbahaya itu tidak menunjukkan sebarang masalah psikologi yang dihadapi seseorang itu, malah ia bersifat normal.

### Membahayakan diri

"Secara umumnya, manusia memang suka dan gemar diri mereka diberikan perhatian oleh masyarakat setempat, sebab itu dalam kalangan golongan muda kini, ada yang sanggup membahayakan diri mereka semata-mata mencari publisiti.

"Golongan seperti ini mahukan perkara yang luar biasa, yang tidak dibuat oleh orang lain. Mereka mahu menjadi yang pertama dalam melakukan sesuatu aksi itu," katanya ketika dihubungi BH.

Mohammad Shatar yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, pengaruh laman sosial seperti Face-

book, Instagram dan twitter, juga turut mendorong golongan terbabit melakukan aksi 'gila' semata-mata menarik perhatian orang ramai.

"Sekarang, semua orang bersaing mencipta kelainan. Mereka mahu nampak hebat di mata dunia tetapi lupa akan dua perkara iaitu keselamatan dan nilai norma kemasyarakatan.

"Nilai norma kemasyarakatan perlu dihormati, kerana kita penuh dengan nilai adab yang tinggi," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pemulihan Kesihatan Mental dari Persatuan Kesihatan Mental Malaysia, Nurhijjah Mat Zin, berkata dalam aspek psikologi, seseorang remaja cenderung melakukan aksi bahaya untuk merasai kepuasan diri dan menarik perhatian.

"Ada satu tahap di mana fasa remaja ke dewasa ini, mereka lebih minat melakukan aktiviti lasak dan ekstrim tanpa memikirkan kesan dan risiko, golongan berkenaan hanya memfokuskan kepada keseronokan diri," katanya.



Secara umumnya, manusia memang suka dan gemar jika diri mereka diberikan perhatian oleh masyarakat setempat, sebab itu dalam kalangan golongan muda kini, ada yang sanggup membahayakan diri mereka semata-mata mencari publisiti"

**Mohammad Shatar Sabran,**  
Pakar sosial

## 'Kami mengaku salah, hentikan kecaman'

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]



Shahrul Zaman (kanan) mengadakan pertemuan bersama kumpulan remaja yang didakwa memanjat mercu tanda IPOH baru-baru ini di Bangunan Perak Darul Ridzuan, semalam.

**IpoH:** Kumpulan remaja yang memanjat arca gergasi perkataan 'IPOH' mengakui kesilapan mereka dan memohon maaf atas perbuatan itu.

Jurucakap kumpulan itu, Norfarihan Baharudin, 24, berkata dia bersama rakan lain memang mahu memohon maaf lebih awal sebaik mengetahui gambar dan video mereka menjadi viral, namun tidak berpeluang selepas dikecam hebat oleh netizen.

"Harap semua faham, apabila dikecam masyarakat saya tidak berpeluang memberi keterangan (penjelasan dan memohon maaf) dan setiap percakapan yang mahu diperkatakan juga takut untuk diberitahu (diucapkan).

"Saya mahu beritahu di sini saya dan rakan yang lain meminta maaf kepada masyarakat, memang kami tahu perbuatan ini salah," katanya ketika ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan bersama Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia dan Sukan negeri, Datuk Shahrul Zaman Yahya di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini, semalam.

Pada pertemuan itu, hanya lima ahli kumpulan itu termasuk Azlina Azmin, 21; Nor Farina Baharudin, 22, serta Muhammad Zaki Nasarruddin dan Muhammad Faiz Roslee, yang masing-masing berusia 23 tahun hadir, manakala tiga lagi tidak hadir.

Norfarihan berkata, dia dan rakan berpengalaman melakukan aktiviti lasak termasuk aksi lagak ngeri secara sambilan bagi peng-

gambaran filem malah sering kali mendaki bukit dan gunung kebanyakan di luar negara.

"Kami ada latar belakang masing-masing, jadi ketika naik kami sebenarnya sudah memikirkan soal keselamatan cuma tidak menyangka perkara begini (viral dan dikecam) akan berlaku. Kami memilih mercu tanda IPOH itu kerana keunikannya," katanya sambil mengakui gambar dan video tindakan itu bukan disebarkan oleh mereka sebaliknya dilakukan pihak yang menemubual dia dan kemudian dimuatnaik dalam laman blog *The Vocket* sebelum menjadi viral.

### Tubuh Silveryouth Climber

Sementara itu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, perkara dilakukan kumpulan itu serta seorang lagi lelaki memanjat kren yang menjadi viral boleh membahayakan diri mereka dan orang lain, namun pada masa sama tidak mahu melihat isu dalam bentuk hukuman semata-mata.

"Kerajaan negeri mengambil pendekatan mendekati mereka dan bukannya hanya berkaitan dengan hukuman semata-mata. Saya tidak menyatakan sifat mereka tidak baik, sikap berani itu baik dan mereka mempunyai bakat tetapi tidak disalurkan di tempat betul," katanya di sini, semalam.

Shahrul Zaman pula berkata, pihaknya bercadang mahu menubuhkan Silveryouth Climber pada masa akan datang.